

KENYATAAN DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI
MESYUARAT MAJLIS PENUH

28 JANUARI 2022

1. PELANTIKAN PEGAWAI KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL

Dengan ini dimaklumkan bahawa Encik Abd Wahab Bin Jaafar telah dilantik menjadi Pegawai Kesihatan Persekitaran (Tetap) Gred U42 di Jabatan Perkhidmatan Perbandaran, berkuatkuasa 1 Januari 2022. Berkelulusan Diploma Kesihatan Awam di Institut Kesihatan Awam, Kementerian Kesihatan Malaysia dan berpengalaman sebagai Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran (Gred 36) di Majlis Bandaraya Seberang Perai.

Puan Laily Munirah Binti Kamarulzaman berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Komunikasi Dengan Kepujian dari Universiti Utara Malaysia (UUM) telah dilantik menjadi Pegawai Tadbir (Kontrak) Gred N41 berkuatkuasa 3 Januari 2022 dan ditempatkan di Jabatan Korporat Dan Perhubungan Antarabangsa.

Dimaklumkan juga bahawa Puan Manggleshwary a/p Muniandy berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Ekonomi (Kewangan) Dengan Kepujian dari Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) telah dilantik menjadi Pegawai Tadbir (Kontrak) Gred N41 berkuatkuasa 3 Januari 2022 dan ditempatkan di Jabatan Pelesenan. Ucapan setinggi-tinggi tahniah dan diharapkan dapat menjalankan amanah dengan sebaik- baiknya.

2. SAMBUTAN TAHUN BARU CINA

Dikesempatan ini juga, saya turut ingin mengucapkan Selamat Menyambut Tahun Baru Cina kepada Penduduk Seberang Perai yang berketurunan cina. Tahun Baru Cina disambut oleh semua kaum cina tidak kira agama kerana Tahun Baru Cina merupakan aturcara kalendar baru. Tahun Baru Cina disambut pada 1 & 2 Februari 2022 (Selasa & Rabu) dan hari tersebut merupakan hari cuti umum.

3. SALURAN PEMBAYARAN BAHARU BAGI CUKAI TAKSIRAN, SEWAAN GERAI / KOMPLEKS MBSP DAN KOMPAUN LETAK KERETA MELALUI APLIKASI TOUCH N GO E-WALLET DAN APLIKAS SHOPEE

Dimaklumkan bahawa bayaran cukai taksiran, sewaan gerai / kompleks dan kompaun letak kereta MBSP kini boleh dibayar secara dalam talian melalui aplikasi Touch N Go eWallet dan aplikasi Shopee seperti berikut:-

Jenis eWallet	Jenis Pembayaran Yang Diterima	Tarikh Pelaksanaan	Kaedah
Touch N Go eWallet	<ol style="list-style-type: none"> 1. Cukai Taksiran 2. Sewaan Gerai / Kompleks 	1 Januari 2022	<ol style="list-style-type: none"> 1. Melalui Aplikasi eWallet, pilih menu “Bills” 2. Pilih Local Council (Penang) – Majlis B.Seberang Perai 3. Masukkan no.akaun dan jumlah bayaran 4. Tekan “Pay Now”
Shopee	<ol style="list-style-type: none"> 1. Cukai Taksiran 2. Sewaan Gerai / Kompleks 3. Kompaun Letak Kereta 	31 Januari 2022	<ol style="list-style-type: none"> 1. Melalui Aplikasi eWallet, pilih menu “Tickets, Topup & Bills” 2. Pilih Local Council Majlis Bandaraya Seberang Perai 3. Masukkan no.akaun / no.kompaun dan jumlah bayaran 4. Tekan “Checkout”

Pembayaran cukai taksiran melalui dua (2) aplikasi ini melayakkan pemilik premis menyertai cabutan bertuah Promosi Bayar Cukai Taksiran 2022 & Menang Wang Tunai dengan syarat

cukai setahun 2022 perlu dijelaskan sepenuhnya **selewat-lewatnya 28 Februari 2022.**

Dengan pertambahan dua saluran ini, diharapkan orang ramai dapat menggunakan mana-mana platform saluran pembayaran tanpa tunai (*online*) yang telah disediakan oleh MBSP disamping ianya juga dapat membantu mengekang penularan wabak Covid-19 yang masih melanda negara ketika ini.

SEKIAN, TERIMA KASIH.